



Waranti Toro

Waranti Terhadap Satu Tahun

Kelengkapan Binaan Padat
(CTC, CUE)

Penerangan Ringkasan

Syarikat Toro berjanji, mengikut pilihannya, untuk membaiki atau menggantikan Produk Toro berikut jika terdapat kerosakan pada bahan atau mutu kerja bagi tempoh yang disenaraikan di bawah.

Toro tidak membuat waranti nyata yang lain. Pengilang enjin boleh memberikan waranti enjinnya sendiri dan waranti sistem pengeluaran khas. Jika berkenaan, dokumentasi akan disertakan bersama produk anda.

Produk dan Tempoh Waranti

Tempoh masa berikut terpakai dari tarikh pembelian asal:

Produk	Tempoh Waranti
Pembawa Alatan Padat	
• Unit	1 tahun atau 1000 jam ¹
• Enjin	
— Kohler*	3 tahun
— Kubota	2 tahun
— Yanmar	2 tahun
• Alat Tambahan Pelantar	1 tahun atau 1000 jam ¹
Pembawa Alatan Padat Elektrik	
• Unit	1 tahun atau 1000 jam ¹
• Bateri HyperCell®	2 tahun
• Pengecas	1 tahun atau 1000 jam ¹
Ekskavator Peparit Undur	
• Unit	1 tahun atau 1000 jam ¹
• Enjin	
— Kohler*	3 tahun
— Kawasaki*	2 tahun
— Toro	2 tahun
Pencanai Tunggul	
• Unit	1 tahun atau 1000 jam ¹
• Enjin	
— Kohler*	3 tahun
— Kawasaki*	2 tahun
Semua Mesin	
• Tali Sawat dan Tayar	90 Hari

¹ Mana-mana yang berlaku dahulu.

* Waranti enjin disediakan oleh pengilang enjin.

Tanggungjawab Pemilik

Anda bertanggungjawab untuk menyelenggarakan Produk Toro anda mengikut prosedur penyelenggaraan yang diterangkan dalam *Manual Pengendali*. Anda perlu menanggung kos penyelenggaraan rutin sedemikian, sama ada penyelenggaraan dilakukan oleh penjual atau anda. Alat ganti yang dijadualkan untuk penggantian sebagai penyelenggaraan wajib ("Alat Ganti Penyelenggaraan") adalah dijamin untuk tempoh masa sehingga masa penggantian yang dijadualkan bagi alat ganti tersebut.

Arahan untuk Mendapatkan Perkhidmatan Waranti

Jika anda berpendapat Produk Toro anda mengandungi kerosakan pada bahan atau mutu kerja, maka ikut prosedur ini:

1. Hubungi Pusat Servis Toro yang Dibenarkan untuk mengatur servis bagi produk anda. Layari <http://www.toro.com> dan pilih WHERE TO BUY untuk mencari pusat servis Toro di kawasan anda.
2. Bawa produk dan bukti pembelian anda (resit jualan) ke lokasi pusat servis. Pusat servis akan mendiagnosis masalah dan menentukan sama ada masalah tersebut dilindungi waranti.
3. Jika anda mempunyai pertanyaan tambahan tentang terma dan syarat waranti:

Hubungi: <http://www.toro.com/support>
Muat turun: Muat turun aplikasi MyToro daripada App Store pada peranti anda.
Hantar surat: The Toro Company®, 8111 Lyndale Ave So., Bloomington, MN 55420

Item dan Keadaan Yang Tidak Dilindungi

Bukan semua kegagalan atau kepercincangan tugas produk yang berlaku dalam tempoh waranti ialah kerosakan pada bahan atau mutu kerja. Waranti nyata ini tidak melindungi perkara berikut:

- Kos penyelenggaraan tetap atau alat ganti seperti bahan api, pelincir, penukaran minyak, pelarasan, gigi, serampang, bilah, palam pencucuh, jejak, penuras atau rantai
- Kegagalan komponen disebabkan kehausan biasa seperti gasket, gelang O dan sebagainya.
- Mana-mana produk atau alat ganti yang telah diubah, disalah guna, diabaikan, memerlukan penggantian atau pembaikan disebabkan kemalangan atau kekurangan penyelenggaraan yang wajar
- Caj pengambilan dan penghantaran
- Pembaikan atau cubaan pembaikan oleh sesiapa selain Pusat Servis Toro yang Dibenarkan
- Kegagalan untuk mengikut arahan dan keperluan pengisian bahan api (rujuk *Manual Pengendali* untuk mendapatkan butiran), seperti:
 - Penggunaan bahan api lama (lebih daripada 1 bulan) atau bahan api yang mengandungi lebih daripada 10% etanol atau lebih daripada 15% MTBE
 - Kegagalan untuk mengeringkan sistem bahan api sebelum mana-mana tempoh tidak digunakan yang melebihi 1 bulan
 - Bahan api tidak sesuai
- Pembaikan atau pelarasan disebabkan perkara berikut:
 - Pencemaran dalam sistem bahan api
 - Kegagalan untuk melaksanakan penyelenggaraan dan/atau pelarasan yang wajib
- Prosedur permulaan yang tidak wajar
- Kegagalan produk akibat daripada penggunaan aksesori yang diubah suai atau tidak diluluskan atau bukan alat ganti Toro.
- Kegagalan disebabkan oleh gangguan luaran yang termasuk tetapi tidak terhad kepada cuaca, amalan penyimpanan, pencemaran atau penggunaan bahan pendingin, pelincir, bahan tambahan atau bahan kimia yang tidak diluluskan

Syarat Am

Semua pembaikan yang dilindungi dalam waranti ini perlu dilaksanakan oleh Penjual Servis Toro yang Dibenarkan menggunakan alat ganti yang diluluskan oleh Toro. Pembaikan oleh Penjual Servis Toro yang Dibenarkan merupakan satu-satunya remedi anda menurut waranti ini.

Syarikat Toro tidak bertanggungjawab terhadap kerugian tidak langsung, sampingan atau turutan berhubung dengan penggunaan Produk Toro yang dilindungi waranti ini, termasuk apa-apa kos atau perbelanjaan untuk pemberian kelengkapan atau perkhidmatan pengganti dalam tempoh kepercincangan tugas atau tempoh pembaikan tanpa penggunaan yang menunggu penyediaan menurut waranti ini.

Semua waranti tersirat, termasuk kebolehdagangan dan kesesuaian untuk tujuan tertentu, adalah terhad kepada tempoh waranti nyata.

Sesetengah negeri tidak membenarkan pengecualian kerugian sampingan atau turutan, atau had terhadap tempoh kesahan waranti tersirat, oleh itu pengecualian di atas mungkin tidak terpakai kepada anda.

Waranti ini memberi anda hak khusus yang sah dan anda juga mungkin mempunyai hak lain yang berbeza-beza mengikut negeri.

Negara Selain Amerika Syarikat, Mexico atau Kanada

Pelanggan yang telah membeli produk Toro di luar Amerika Syarikat, Mexico atau Kanada hendaklah menghubungi Pusat Servis Toro yang Dibenarkan mereka untuk mendapatkan dasar waranti bagi negara, daerah atau negeri anda. Jika anda mempunyai pertanyaan tambahan tentang terma dan syarat waranti, anda boleh menghubungi Syarikat Toro.

Undang-undang Pengguna Australia

Barangan kami disertakan waranti yang tidak boleh dikesualikan menurut Undang-undang Pengguna Australia. Anda berhak untuk menerima pengganti atau bayaran balik bagi kegagalan besar dan pampasan bagi mana-mana kerugian atau kerosakan munasabah yang boleh diramalkan. Anda juga berhak untuk menerima perkhidmatan pembaikan atau penggantian barangan anda jika barangan itu gagal mencapai kualiti yang boleh diterima dan kegagalan tersebut tidak mengakibatkan kegagalan besar.